

BULETIN UTHM

Bil.9 September 2024 | ISSN 2232-0415



**Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid Abdul Razzaq
dilantik Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UTHM**

ISSN 2232-0415



UTHM Johor



www.uthm.edu.my



**Global Technopreneur
University 2030**

BULETIN UTHM

Isi Kandungan

- 1 Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid Abdul Razzaq dilantik Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UTHM
- 3 UTHM beri bantuan zakat, pinjaman tanpa faedah bantu pelajar tidak berkemampuan
- 4 UTHM hantar 21 sukarelawan pelajar, bantu mangsa banjir di utara tanah air
- 6 UTHM raih tempat pertama kategori 'CanSat-University' di Malaysia Rocket Competition 2024
- 8 Pertandingan JESAWIL 2024 berjaya kumpul 68.2 tan barangan kitar semula
- 10 UTHM dan Rikkyo University jalin kerjasama rancakkan program Edu-Tourism di universiti
- 12 Pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan, UTHM raih anugerah di persidangan antarabangsa
- 13 Kontinjen UTHM rangkul lapan pingat di SUKIPT 2024
- 14 Terbitan Terkini

REDAKSI

EDITOR

Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad

SUB-EDITOR

Muhammad Zahir Ab'aziz
Suriyati Baharom

PENYELARAS

Suriyati Baharom

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi juga mengalu-alukan berita dari semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang seterusnya. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid Abdul Razzaq dilantik Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UTHM

BATU PAHAT - Profesor Ts. Dr. Abdul Rasid Abdul Razzaq, 52 telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang baharu berkuat kuasa mulai 15 September 2024 sehingga 14 September 2026.

Lantikan itu telah dibuat oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir menurut kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 12 (6) Perlembagaan UTHM.

Pelantikan itu adalah bagi menggantikan Profesor Sr. Ts. Dr. Lokman Hakim Ismail yang telah tamat tempoh pelantikannya.

Prof. Rasid sebelum ini merupakan Dekan di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), UTHM.

Anak kelahiran Terengganu itu turut memegang beberapa jawatan penting di universiti antaranya pernah Menjalankan Tugas Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Timbalan Dekan (Akademik & Antarabangsa) dan Ketua Pusat *Advanced Centre for Technical and Vocational Education* (ACTIVE).

Pemegang Ijazah Doktor Falsafah Perancangan Bandar dan Wilayah, dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) itu mempunyai kepakaran dalam bidang pembangunan keupayaan komuniti khususnya bagi pembangunan program pelancongan berasaskan komuniti.

Beliau mempunyai pengalaman mengajar lebih 25 tahun dalam bidang pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET), pengkhususan dalam pelancongan.

Untuk rekod, Prof. Rasid memulakan kerjaya sebagai pensyarah pada 1998 di Politeknik Johor Bahru (kini dikenali Politeknik Ibrahim Sultan), dan merupakan kumpulan perintis di politeknik tersebut sebelum memulakan perkhidmatan sebagai pensyarah di UTHM pada tahun 2005.

"Saya mula melibatkan diri dalam hal ehwal pelajar sejak tahun 2000 setelah dilantik sebagai felo semasa di Politeknik Johor Bahru.

"Ketika di UTHM saya mula terlibat dalam kepimpinan sejak tahun 2006 selepas dilantik sebagai Ketua Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan yang pertama di Fakulti Pendidikan Teknikal (FPTek)," katanya.

Setelah menamatkan pengajian di peringkat kedoktoran, Prof. Rasid sekali lagi diberi tanggungjawab sebagai Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) pada tahun 2014 sehingga 2019 sebelum dilantik sebagai Dekan FPTV.



Dalam tempoh menyandang jawatan itu, beliau telah memainkan peranan penting dalam menyediakan laluan kepada lepasan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) untuk menyambung pengajian ke program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan vokasional dalam tujuh pengkhususan di FPTV.

Lebih membanggakan, setelah Prof. Rasid dilantik sebagai Dekan FPTV beliau terus memperjuangkan agenda TVET negara sehingga UTHM berjaya menawarkan program TVET termaju yang dikenali sebagai Sarjana Muda Teknologi (Bachelor of Technology –B.Tech) dalam tujuh bidang di bawah FPTV yang menggunakan pendekatan *Work-based Learning* (WBL).

Menerusi program itu, sebanyak enam syarikat milik pelajar telah berjaya ditubuhkan di FPTV dan salah satu daripadanya berjaya meraih kedudukan antara lima 'Syarikat Pemula Terbaik' di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi.

Dalam tempoh beliau menjawat jawatan dekan, FPTV terus mencipta sejarah apabila berjaya menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Industri Perkhidmatan Makanan yang menggunakan mod pengajian perantisan pertama di Malaysia.

Menerusi program selama tiga tahun itu, para pelajar hanya perlu mengikuti pengajian satu semester sahaja di kampus manakala selebihnya di industri.

Selain itu, kepimpinan Prof. Rasid turut terserlah apabila diberi kepercayaan memegang jawatan sebagai Pengerusi Majlis Dekan Pendidikan Awam Malaysia bermula Januari 2024.

Berbekalkan pengalaman dan kepakaran dalam bidang TVET, beliau terus diberi tanggungjawab mengangotai Ahli Jawatankuasa Kerja Tadbir Urus TVET, Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK).

Manakala di peringkat antarabangsa pula, beliau turut dilantik sebagai Lembaga Eksekutif dalam *Regional Association Vocational Technical Education* (RAVTE).

Ketika ditanya tentang hala tuju atau pendekatan yang bakal dibawa beliau ketika menggalas tanggungjawab sebagai TNC (HEPA), Prof. Rasid berkata beliau akan terus memberi fokus kepada misi melahirkan graduan yang holistik sifatnya, iaitu seimbang dari aspek pemikiran, kompeten dan keperibadian unggul sebagai bakal sumber tenaga negara.

Bukan itu sahaja beliau berhasrat untuk membentuk diri pelajar yang mempunyai nilai-nilai integriti yang tinggi serta cakna dan prihatin terhadap masyarakat.

"Fokus kepada kemenjadian pelajar ini seharusnya menjadi tanggungjawab semua dan saya amat yakin dengan perancangan, strategi dan program-program yang dirangka secara berfokus mampu menjayakan matlamat tersebut.

"Saya juga percaya membina hubungan yang baik dengan semua pihak berkepentingan dapat memastikan usaha yang akan dilaksanakan nanti berhasil.

"Aspek kemudahan dan kebajikan pelajar adalah antara fokus penting dalam mendasari kejayaan kepada aspek-aspek lain," tambah beliau.

Prof. Rasid juga turut menyatakan hasrat beliau yang ingin membentuk pelajar berminda keusahawanan, sekali gus menyokong hala tuju UTHM untuk menjadi sebuah *Global Technopreneur University* menjelang tahun 2030.





UTHM beri bantuan zakat, pinjaman tanpa faedah bantu pelajar tidak berkemampuan

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bersedia menawarkan pelbagai bentuk bantuan termasuk pemberian zakat dan pinjaman tanpa faedah kepada pelajar yang tidak berkemampuan bagi membantu mereka menyambung pengajian ke universiti.

Naib Canselor UTHM, Profesor Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim berkata UTHM amat mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan para pelajarnya.

"Pihak universiti sebelum ini ada menawarkan 11 produk kebajikan pelajar antaranya Tabung Zakat Pelajar, Tabung Pinjaman Pelajar, Dana Wang Ihsan serta program bantuan makanan Sabil Al-Hikmah dan Food Bank Siswa bagi mengurangkan beban sara hidup mereka sepanjang tempoh pengajian.

"Manakala bagi menjaga kesejahteraan pelajar, UTHM turut menawarkan beberapa bantuan lain seperti Skim Bantuan Mahasiswa OKU, Insurans Berkelompok Pelajar, Skim Bantuan Mahasiswa Orang Asli, Skim Pelajar Bekerja, Surat Jaminan Hospital dan Khairat Kematian," katanya.

Jelas Dato' Ruzairi lagi, UTHM ada menyediakan Tabung Pinjaman Pelajar tanpa faedah bagi membantu para pelajar yang memerlukan menjelaskan yuran pengajian masing-masing.

Manakala bantuan zakat pula diberikan kepada para pelajar asnaf termasuk fakir, miskin, gharim dan fisabilillah bagi membantu mereka menampung kos sara hidup dan menjelaskan yuran pengajian.

Sementara itu, Dana Ihsan seperti bantuan yuran pengajian, sara hidup, bencana alam dan musibah

juga turut diberikan kepada golongan pelajar B40 yang mempunyai masalah kewangan sepanjang tempoh pengajian.

Tambah beliau, bagi membantu pelajar yang mengalami kesempitan kewangan untuk membeli makanan, pihak universiti turut memberi bantuan makanan secara 'food pack' melalui program Sabil Al-Hikmah.

Selain itu, sebagai tanda prihatin kepada golongan pelajar B40, UTHM turut melaksanakan program 'Food Bank Siswa' dengan mengedarkan makanan kering dan *food pack* setiap bulan kepada mereka yang memerlukan.

Menariknya, sumber dana kedua-dua program itu adalah hasil sumbangan para dermawan dan juga potongan gaji staf.

Malah, pelajar yang tidak berkemampuan juga akan diberikan bantuan komputer riba untuk memudahkan mereka menghadapi sesi pembelajaran kelak.

"Usaha-usaha ini adalah bagi membantu anak bangsa meneruskan pengajian di institut pengajian tinggi sekali gus menyokong hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang ingin melahirkan bakat terbaik negara.

"Justeru itu, saya mewakili universiti ingin menyeru calon-calon yang terpilih untuk membulatkan tekad, meneruskan hasrat tanpa menganggap kesempitan hidup sebagai halangan untuk melanjutkan pengajian ke menara gading," pesan beliau.



UTHM hantar 21 sukarelawan pelajar, bantu mangsa banjir di utara tanah air

BATU PAHAT – Seramai 21 sukarelawan pelajar yang diketuai oleh Muhammad Faisal Ahmad Juhari bersama kakitangan Pusat Pembangunan Pelajar (PBP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menjayakan Misi Sukarelawan Pasca Banjir bertempat di Alor Setar dan Jitra, Kedah pada 27 dan 28 September 2024 lalu.

Misi sukarelawan itu merupakan sebahagian daripada usaha murni UTHM untuk membantu komuniti yang terkesan akibat banjir besar yang melanda kawasan utara Malaysia khususnya di Kedah.

Program tersebut turut mendapat kerjasama daripada Kelab Sukarelawan UTHM (KSU), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTHM, Yayasan UTHM, Pejabat Hal Ehwal Pelajar (PHEP) dan Majlis Sukarelawan Universiti Malaysia (MASKUM).

Terdahulu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid Abdul Razzaq telah hadir menyempurnakan upacara pelepasan misi sukarelawan pelajar yang diadakan pada 26 September 2024 lalu.

Pada tanggal 27 September, misi pembersihan telah dijalankan di Taman Tanjung Bendahara, Alor Setar, yang mana para sukarelawan telah membantu membersihkan sebuah rumah pelajar UTHM dan

dua rumah penduduk tempatan yang terjejas akibat banjir.

Rumah-rumah terbabit yang mengalami kerosakan barangan seperti perabot, peralatan elektrik dan buku-buku itu amat memerlukan bantuan segera.

Menurut salah seorang sukarelawan yang terlibat, pengalaman itu telah membuka mata mereka tentang pentingnya kesedaran dan kesiapsiagaan dalam menghadapi bencana alam.

Mereka turut melahirkan rasa kagum terhadap ketabahan dan kekuatan mental penduduk yang terus berusaha memulihkan keadaan walaupun kehilangan banyak harta benda.

Selain daripada membersihkan rumah, para sukarelawan juga berpeluang berbual mesra dengan penduduk, memberikan sokongan moral serta mendengar luahan hati mereka yang terjejas.

Manakala pada tanggal 28 September 2024, sukarelawan pelajar UTHM sekali lagi berganding bahu bersama sukarelawan pelajar dari Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA), Institut Pendidikan Guru Darul Aman (IPDA), Institut

Kemahiran Belia Negara (IKBN) Jitra dan Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) bagi melaksanakan misi pembersihan di bawah Program Rakan Bumi.

Program anjuran Pejabat Belia dan Sukan Daerah Kubang Pasu itu dijalankan di kawasan Masjid Pulau Timbul, Jitra, yang juga melibatkan kerja-kerja pembersihan masjid serta rumah-rumah penduduk yang terkesan.

Misi itu turut mendapat kerjasama erat daripada komuniti kampung Pulau Timbul, Majlis Belia Kubang Pasu, Pejabat Kesihatan Kubang Pasu, Sukarelawan Anak Malaysia Satria dan agensi keselamatan tempatan.

Sementara itu, majlis perasmian penutup program telah disempurnakan oleh Penolong Pegawai Daerah Kubang Pasu, Zaharin Dato' Haji Zahari.

Majlis tersebut menyaksikan semua sukarelawan yang terlibat diberikan sijil penghargaan sukarelawan

daripada Pejabat Belia dan Sukan Daerah Kubang Pasu sebagai tanda penghormatan atas sumbangan dan pengorbanan mereka dalam menjayakan misi itu.

Menurut Pengarah PBP, Ts. Dr. Khalid Isa, Misi Sukarelawan Pasca Banjir itu diharapkan dapat membantu proses pemulihan kawasan terjejas akibat banjir di Alor Setar dan Jitra, serta memberikan sedikit kelegaan kepada para mangsa.

"Usaha gigih para sukarelawan ini membuktikan bahawa peranan mahasiswa sangat penting dalam membantu masyarakat, terutamanya dalam situasi-situasi kecemasan dan bencana alam.

"Semoga semangat kesukarelawan ini terus subur dan menjadi inspirasi kepada semua pihak untuk terus berbakti kepada masyarakat pada masa akan datang," katanya yang turut menyertai misi tersebut.





UTHM raih tempat pertama kategori 'CanSat-University' di Malaysia Rocket Competition 2024

BATU PAHAT - Pasukan Aerosat Pioneers, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya meraih tempat pertama bagi kategori 'CanSat- University' ketika menyertai Malaysia Rocket Competition 2024 (MRC 2024) pada 3 hingga 5 September 2024 lalu.

MRC 2024 mempertandingkan tiga kategori iaitu 1 km rocket, 1 km rocket with Cansat dan CanSat.

Pertandingan yang berlangsung di Felcra Seberang Perak, Perak itu disertai 14 pasukan dari beberapa universiti dari Malaysia, India, Singapura dan Indonesia yang mempertaruhkan teknologi roket perum dan satelit ringkas masing-masing.

Turut serta, 47 sekolah menengah dari seluruh Malaysia.

Aerosat Pioneers yang diketuai Yashlen A/L Pichyalagan dianggotai oleh empat pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) iaitu Thaanes A/L Kumara Piran, Muhammad Harith Umair bin Zakaria, Srikoohen A/L K Ramanidan dan seorang pelajar Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) iaitu Danial Hakim Halim.

Selain itu, UTHM turut menghantar pasukan Star Voyager 1 untuk kategori 1 km rocket yang diketuai oleh Aiman Akmal Mohd Farez.

Lima lagi pelajar FKMP disertai oleh Tarishini Elancovan Appu, Muhammad Firdaus Shamsaimon, Syafiq Sahari, Amal Asyraaf Abdul Rahim dan Muhammad Nurmugreez Muhammad Mustafa.

Mereka dibimbing oleh tiga pensyarah iaitu Dr. Adam Kasani, Ir. Dr. Ahmad Hamdan Ariffin dan Ts. Dr. Mohd Fadhli Zulkafli.

Menurut Dr. Ahmad Hamdan, pertandingan itu diadakan bertujuan untuk memupuk minat pelajar berkaitan teknologi roket perum dan menguji kefahaman serta kemahiran pelajar membangunkan teknologi roket tersebut.

"Selain itu, kategori baharu iaitu CanSat telah menguji kemahiran pelajar dalam penghasilan satelit ringkas untuk penerokaan angkasa lepas," katanya.

Pasukan UTHM juga berjaya membimbing beberapa pasukan negeri Johor seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Batu Pahat (HSBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Suria Perdana, Batu Pahat, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Batu Pahat dan MRSM Johor Bahru.

Lebih manis lagi, HSBP telah berjaya merangkul tempat kedua kategori CanSat -Sekolah.

Selain itu, UTHM turut membimbing pasukan Norul Islam Centre for Higher Education (NICHE) dari India.

“Pihak kami sangat berbesar hati kerana program pemindahan ilmu bersama sekolah-sekolah di negeri Johor yang telah diadakan pada 4 Feb 2024 dan 24 Julai 2024 lalu berjaya membuahkan hasil.

“Kejayaan ini telah memberi suntikan semangat kepada UTHM untuk terus meneroka teknologi roket dan berkongsi ilmu untuk manfaat negara,” katanya.





Pertandingan JESAWIL 2024 berjaya kumpul 68.2 tan barangan kitar semula

Pertandingan Jelajah Sekolah Angkat Wira Lestari (JESAWIL) 2024 yang dikuasakan oleh KITAREcycle, telah berjaya mengumpul sebanyak 68.2 tan barangan kitar semula dalam tempoh empat bulan program berlangsung bermula Mei hingga Ogos lalu.

Pertandingan anjuran Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bersama SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) itu secara rasminya melabuhkan tirai pada 22 September 2024.

Rentetan itu, Karnival Wira Lestari 2024 telah diadakan di Pusat Konvensyen Hab Pendidikan Tinggi Pagoh pada 21 dan 22 September 2024 bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kelestarian alam sekitar dan amalan kitar semula sebagai sebahagian daripada gaya hidup.

Menurut pengarah program, Ts. Dr. Roslinda Ali penganjuran Karnival Wira Lestari 2024 itu merupakan titik permulaan kesinambungan program JESAWIL yang pertama kali dianjurkan pada tahun 2023.

Tambah beliau, bagi tahun 2024 penyertaan JESAWIL melibatkan 42 sekolah rendah dan 20 sekolah menengah di sekitar negeri Johor, dengan mempertaruhkan lima kategori bagi merebut gelaran Ikon Wira Lestari 2024.

"Selain itu, satu kategori terbuka turut diperkenalkan bagi melihat sejauh mana kreativiti pelajar dalam menarik minat orang ramai untuk menjadikan amalan pengasingan sisa di punca dan 3R (Reduce, Reuse, Recycle) sebagai sebahagian dari gaya hidup.

"Melalui pertandingan ini, peserta bukan sahaja diberi peluang untuk mengekspresikan kreativiti mereka dalam memanfaatkan sisa buangan, malah mereka juga diberi pendedahan dan kesedaran bahawa mereka boleh menjana pendapatan sampingan dari sisa buangan yang terkumpul," katanya.

Menurut Eksekutif Kanan Pegawai Komunikasi Korporat SWM Environment, Muhamad Bakhtiar Azni, pertandingan JESAWIL pada tahun ini telah berjaya melepasi sasaran 60 tan barangan kitar semula melalui KITAREcycle.

"Secara tidak langsung, program ini memberi impak positif kepada alam sekitar dengan pengurangan jejak karbon sebanyak 109,859.48 setara karbon dioksida.

"Kejayaan penganjuran JESAWIL ini tidak akan tercapai tanpa komitmen dan sokongan padu daripada semua pihak termasuk guru, murid, ibu bapa dan komuniti setempat," tambah beliau.

Selain majlis penutup JESAWIL, pelbagai aktiviti menarik diadakan sepanjang karnival itu berlangsung, antaranya pertandingan inovasi GREEN Action for Environment (ENcEm), Wira Lestari Fun Run, Pameran Sudut Lestari serta sesi perkongsian ilmu oleh beberapa panel kelestarian yang berpengalaman.

Kesemua aktiviti itu bertujuan menarik minat masyarakat setempat dan pelajar khususnya untuk mengamalkan gaya hidup lestari dan teknologi hijau.

Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Karnival Wira Lestari 2024 telah disempurnakan oleh

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi Negeri Johor, Ir. Ts. Mohamad Fazli Mohamad Salleh.

Hadir sama, Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh, Prof. Madya Dr. Afandi Ahmad, Dekan FTK, Prof. Madya Ts. Dr. Jumadi Abdul Sukor, Pengurus Besar Komunikasi Korporat SWM Environment, Mohd Norlisam Mohd Nordin, Pengarah Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN), Mohd Hanafi Samad, wakil rasmi dari Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ), Majlis Perbandaran Muar (MPM) dan Bank Simpanan Nasional (BSN).

Sekolah Kebangsaan Parit Jelutong, Batu Pahat telah dinobatkan sebagai Ikon Wira Lestari 2024.

FTK, UTHM dan SWM Environment turut merakamkan penghargaan dan terima kasih mereka kepada rakan-rakan strategik iaitu Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ), Majlis Perbandaran Muar (MPM), Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN), Sime Darby Property Pagoh dan pengeluar Air Mineral Desa, Syarikat Angenet Sdn. Bhd., yang turut sama menjayakan pertandingan itu.





UTHM dan Rikkyo University jalin kerjasama rancakkan program Edu-Tourism di universiti

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) telah menandatangani Letter of Undertaking (LoU) dengan Rikkyo University, Jepun pada 28 Ogos 2024 lalu bagi merancakkan lagi program *Edu-Tourism* atau pelancongan pendidikan di universiti masing-masing.

Majlis menandatangani LoU yang diadakan di Aras 5, PTTA tersebut adalah sebagai langkah awal untuk melaksanakan aktiviti atau program ke arah pemerkasaan Program *Edu-Tourism* pada masa akan datang, sebagaimana yang disasarkan dalam Sasaran Kerja Tahunan Universiti 2024 UTHM.

Rikkyo University adalah salah satu pusat pengajian tinggi swasta terbaik di Tokyo, Jepun yang telah ditubuhkan sejak 1874.

Universiti tersebut menawarkan pelbagai kursus termasuk pelancongan, komunikasi antara budaya, kesenian, kesukanan, kecerdasan buatan, khidmat masyarakat, kemanusiaan dan Sains.

UTHM diwakili oleh Zaharah Abd Samad, Ketua Pustakawan manakala Rikkyo University pula diwakili oleh Profesor Satoshi Masutani, Department of Culture and Tourism Studies, College of Tourism.

Turut hadir pada majlis tersebut, Prof. Madya Dr.

Azmi Abdul Latiff, Dekan Pusat Pengajian Bahasa (CLS), Pegawai-pegawai universiti dan pelajar daripada Rikkyo University serta National Institute of Technology (KOSEN) yang merupakan peserta International Fieldwork and Students Exchange Programme anjuran CLS.

Menurut Zaharah Abd Samad, PTTA bukan sahaja berperanan sebagai *Guardian of Knowledge*, malah menjadi pusat sehati dan gerbang maklumat yang menjadi tarikan para pelawat dari dalam atau luar negara.

"Antara inisiatif yang telah dijalankan bagi merancakkan dan mempromosikan lagi Program Edu-Tourism ini adalah melalui Projek Penyelidikan dan Inovasi Budaya dan Warisan Johor (Research and Innovation in Culture and Heritage of Johor - RICHER).

"RICHER yang telah dilancarkan sejak Ogos 2022 telah melaksanakan beberapa projek terpilih termasuk membangunkan Aplikasi AR-Galeri PTTA yang menggunakan teknologi realiti terimbuhan (Augmented Reality - AR)," katanya.

Tambah Zaharah lagi, selain daripada Galeri Gambus Johor dan Muar Living Lab Showcase, Galeri Warisan Johor yang menempatkan Pameran Sejarah

Perlombongan Bijih Besi di Sri Medan dan Sejarah Pertempuran di Parit Sulong telah dibangunkan.

Pameran itu mengandungi informasi berkaitan sejarah perlombongan bijih besi di Sri Medan yang telah bermula sejak tahun 1916 apabila Mr. Ishihara Hiroichiro telah menemui lombong bijih besi di Sri Medan dan seterusnya syarikat dari Jepun iaitu Nanyo Kogyo Koshi telah membuka lombong di sini pada tahun 1920 yang membawa kepada pembangunan ekonomi di Sri Medan ketika itu.

Tapak perlombongan tersebut kini dikenali sebagai Taman Botani Johor.

“Kemudian, disusuli dengan pameran mengenai episod hitam ‘Parit Sulong Massacre’ iaitu tragedi pembunuhan beramai-ramai anggota tentera Berikat yang kebanyakannya dari Australia, di kawasan Jambatan Parit Sulong yang berlaku pada Januari 1942 semasa Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu yang membawa kepada jatuhnya keseluruhan Tanah Melayu ke tangan Jepun.

“Turut dipamerkan adalah koleksi artifak peninggalan sistem ekonomi Johor semasa era Jepun sebelum Perang Dunia Kedua yang ditemui di Estet Sungai Papan, Tanjung Serindit, Kota tinggi Johor,” jelas beliau.

Sementara itu, Profesor Satoshi Masutani memaklumkan bahawa Pameran Sejarah Perlombongan Bijih Besi di Sri Medan dan Sejarah Pertempuran di Parit Sulong dijangka akan dipamerkan di Rikkyo University pada bulan Mei 2025 nanti hasil kerjasama perkongsian maklumat tersebut.

Selain perkongsian maklumat, lebih banyak aktiviti kolaborasi antara UTHM-Rikkyo University akan dilaksanakan pada masa akan datang seperti penerbitan, pameran dan pembangunan kepakaran.

Ia sudah pasti dapat merancakkan lagi Program Edu-Tourism di UTHM, seterusnya memacu sektor pelancongan pendidikan di Johor sebagai salah satu sokongan UTHM kepada Tahun Melawat Johor 2026.





Pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan, UTHM raih anugerah di persidangan antarabangsa

NEW DELHI – Pensyarah kanan dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Dr. Nurrul Hafeezah Sahak telah mencipta kejayaan membanggakan apabila memenangi anugerah 'Best Poster Presentation as an Early/ Mid-Career Researcher (General Injures Category)' ketika berlangsungnya '15th World Conference on Injury Prevention and Safety Promotion' di New Delhi, India pada 31 Ogos hingga 4 September 2024 lalu.

Dr. Nurrul Hafeezah yang menerima pengiktirafan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) itu merupakan penasihat kepada program Service-Learning Malaysia-University for Society (SULAM), Jabatan Teknologi Kejuruteraan Kimia, FTK.

Rentetan itu, beliau diundang menyampaikan pembentangan yang menonjolkan kejayaan program berkenaan dalam meningkatkan kesedaran tentang pencegahan kecederaan dan promosi keselamatan dalam kalangan pelajar institut pengajian tinggi sekitar Hab Pendidikan Tinggi Pagoh.

Beliau telah mengetengahkan kepentingan pendekatan pembelajaran berasaskan perkhidmatan, yang memberi peluang kepada pelajar universiti untuk mengaplikasikan ilmu yang dipelajari di kuliah melalui penglibatan aktif dalam komuniti.

Dalam pembentangannya bertajuk "*Beyond the Lecture: Safety-Focused Service Learning*", Dr. Nurrul Hafeezah memfokuskan kepada sumbangan program SULAM dalam mencegah kecederaan melalui kolaborasi antara universiti dan masyarakat setempat.

Program kendalian pelajar Sarjana Muda Teknologi Kesihatan dan Kesihatan Pekerjaan itu memberi penekanan kepada latihan keselamatan dan amalan pencegahan kecederaan, yang berupaya memupuk kesedaran berkaitan keselamatan.

Pengiktirafan terhadap Dr. Nurrul Hafeezah dan program SULAM tersebut merupakan satu pencapaian yang besar bukan sahaja kepada UTHM, tetapi juga kepada negara.

"Pengalaman menghadiri persidangan ini amat berharga kerana saya berpeluang memperkenalkan program pelajar UTHM di peringkat antarabangsa, sekali gus membuktikan kemampuan universiti tempatan untuk bersaing di peringkat global," katanya.

Persidangan yang berlangsung selama lima hari, bermula pada 31 Ogos hingga 4 September 2024 itu turut dihadiri oleh peserta seluruh dunia termasuklah dari Monash University Australia, John Hopkins University, the World Bank, WHO dan the George Institute for Global Health.





Kontinjen UTHM rangkul lapan pingat di SUKIPT 2024

SINTOK - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya merangkul lapan pingat gangsa ketika menyertai Temasya Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2024 pada 4 hingga 14 September 2024 lalu bertempat di Universiti Utara Malaysia (UUM).

Pungutan lapan pingat tersebut diraih melalui acara Karate Kumite Lelaki -67kg, Petanque Double Wanita, Kayak TK2 Men, Berbasikal (MTB) Cross Country Olympic, Heptathlon Wanita, Rejam Lembing Wanita, Silat Olahraga Kelas Putra J dan Silat Olahraga Kelas Putra BB2.

Untuk rekod, temasya dwi tahunan edisi kali ini telah menghimpunkan seramai 6,000 atlet dari 76 kontinjen institut pengajian tinggi awam dan swasta, dengan mempertaruhkan 28 acara sukan dan 231 pingat emas.

Kontinjen UTHM pada kali ini telah menghantar sebanyak 15 pasukan terdiri daripada sukan kayak, futsal lelaki, petanque, olahraga, bola jaring, taekwondo, bola tampar, silat, berbasikal, sepak takraw, golf, karate, tenis, lawn bowls dan sofbol.

Pengarah Pusat Sukan Universiti, Sr. Dr. Anuar Mohd Salleh turut mengucapkan tahniah kepada pasukan yang berjaya meraih pingat dan berharap UTHM dapat meneruskan lagi usaha untuk meraih kejayaan di temasya sukan edisi akan datang.

"Kontinjen UTHM telah menunjukkan prestasi yang membanggakan dan kejayaan mereka diharap dapat menjadi inspirasi kepada semua warga universiti," katanya.



Terbitan Terkini



MOBILITI PENGANGKUTAN WANITA

Yong Adilah Shamsul Harumain, Suhana Koting, Nuraihan Mohd Ibrahim

978-629-490-020-2

Mobiliti pengangkutan untuk wanita mempunyai konteks definisi mobiliti pengangkutan yang lebih luas. Walaupun tampak seperti suatu aspek perbincangan yang begitu khusus terhadap satu gender, mobiliti pengangkutan untuk wanita memerlukan suatu sistem dan dasar pengangkutan yang memberi keutamaan kepada pelbagai aspek antaranya aspek keselamatan, kebolehcapaian, keterjangkauan dan fleksibiliti yang memenuhi keperluan, cabaran dan halangan berbeza yang dihadapi oleh wanita. Konsep reka bentuk sejagat (universal design) yang begitu popular sejak 50 tahun yang lalu bukanlah suatu yang mudah dilaksanakan terutamanya dalam memastikan kesejahteraan dan kemudahan wanita untuk bergerak mencapai hasratnya. Oleh sebab itu, amat sukar untuk menemui bahan bacaan dan rujukan berkaitan mobiliti pengangkutan untuk wanita di Malaysia. Apatah lagi ditulis dalam bahasa kebangsaan. Buku ini telah ditulis berdasarkan beberapa siri kajian ilmiah yang dilaksanakan dalam tempoh tujuh tahun dan diolah menjadi satu naskah yang mampu menjadi sebuah rujukan khas kepada semua pembaca terutamanya pelajar, ahli akademik, penggubal dasar dan orang awam yang ingin memahami mobiliti pengangkutan untuk wanita. Sebagai langkah awal untuk mendedahkan kepada pembaca dengan lebih terperinci mengenai mobiliti pengangkutan dan corak pergerakan wanita, buku ini diterbitkan dalam Bahasa Melayu dengan susunan bersifat umum dan diatur selengkap mungkin agar memberikan pemahaman secara mendalam kepada pembaca. Tujuan utama buku ini diterbitkan adalah untuk berkongsi dapatan kajian mengenai mobiliti pengangkutan untuk wanita. Oleh yang demikian, buku ini sesuai dijadikan sebagai bahan rujukan bagi semua golongan lapisan masyarakat dan dapat dijadikan inspirasi bagi menambahbaik sistem pengangkutan di Malaysia untuk wanita.



CITRA KOKURIKULUM MELESTARIKAN KEGEMILANGAN KOKURIKULUM

Fadillah Ismail, Mohd Khir Mohd Nor, Lutfan Jaes

978-629-490-021-9


RM39.00

Pandemik COVID-19 memberi tamparan kepada sistem pendidikan di pelbagai peringkat dan lapisan masyarakat. Cabaran ini begitu dirasakan lebih-lebih lagi melibatkan pelaksanaan kokurikulum yang selama ini memberi penekanan kepada pembelajaran holistik merangkumi aspek kognitif, afektif dan psikomotor pelajar. Mendepani persekitaran yang mencabar ini, pelaksanaan kokurikulum juga perlu bersedia membuka lembaran baru dan turut berevolusi menyedari kepentingan kegiatan kokurikulum di dalam melahirkan pelajar yang mempunyai ketinggian ilmu nilai-nilai murni dan berkemahiran baru.

Melalui buku ini, pembaca berupaya menyelami permasalahan pokok yang berlaku di kala pandemik seterusnya menghargai strategi yang dapat diusahakan sebagai rujukan. Pendekatan penulisan secara akademik dan naratif yang diselaraskan dalam buku ini dapat memberi persepsi yang positif kepada pembaca terhadap pelaksanaan kokurikulum sebagai elemen penting untuk mereda, menyembuhkan dan memberi keceriaan kepada pelajar melalui pendekatan alternatif dan inovatif.

[Beli Buku](#)

Terbitan Terkini



GEOSYNTHETIC FOR EFFECTIVE GEO-SOLUTIONS IN MALAYSIA

CHAN CHEE MING

978-629-490-008-0

RM64.00

This is a book which gathers the best practices and research endeavours from both industry and universities in Malaysia, to showcase the advances in design, construction, applications and testing of geosynthetics in the country. The 15 chapters present interesting technical innovations in the field, refinement of the understanding in geosynthetic-soil interaction and

mechanisms, as well as geo-environmental troubleshooting and solutions. This inaugural Technical Compilation by MyIGS aims to serve as a useful guide and reference for practitioners, researchers and academics alike, to position the effective use of geosynthetics for the present, and into the future.

[Beli Buku](#)

